



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

PROGRAM PENANAMAN NANAS MD2

1. Program Penanaman Nanas MD2

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) merupakan sebuah badan berkanun yang menerajui pembangunan industri nanas di Malaysia. *National Key Economic Area (NKEA)* di bawah *Entry Points Projects (EPP) 7 – Pembangunan Keupayaan untuk Penghasilan Buah-buahan dan Sayur-sayuran* bagi *Pasaran Premium* telah menggariskan nanas MD2 sebagai salah satu buah-buahan yang berpotensi. LPNM telah dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan hasil pengeluaran nanas MD2 bagi pasaran eksport dan domestik.

LPNM mempelawa pengusaha-pengusaha pertanian yang berpotensi untuk mengusahakan tanaman nanas MD2. LPNM juga memperkenalkan penanaman nanas MD2 melalui kaedah pawah di mana pengusaha berpotensi akan dibekalkan dengan sejumlah bilangan benih nanas MD2 untuk diusahakan. Selepas satu pusingan penuaian hasil nanas MD2, pengusaha perlu mengembalikan sebanyak 2 benih nanas MD2 bagi setiap benih yang dibekalkan oleh LPNM kepada pengusaha.

2. Syarat-syarat Permohonan:-

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Hak milik tanah yang sah (sama ada melalui pemilikan/tol/sewaan/pajakan/surat kebenaran pihak Pentadbir Tanah).
- iii. Keluasan tanah dalam satu kawasan sekurang-kurangnya 10 ekar.
- iv. Tanah tersebut (gambut/mineral) yang sesuai untuk pertumbuhan tanaman nanas.
- v. Memiliki kewangan yang kukuh untuk mengusahakan tanaman nanas MD2.
- vi. Memiliki tenaga buruh yang mencukupi untuk mengusahakan tanaman nanas MD2.
- vii. Pemohon/calon akan ditapis melalui jawatankuasa di bawah LPNM. Pemohon/calon juga akan dipanggil ke sesi temuduga.
- viii. Pemohon/calon yang berjaya dipanggil ke sesi temuduga perlu menyediakan satu **Kertas Cadangan Pelan Penanaman dan Pemasaran Tanaman MD2**. Kandungan yang perlu disertakan dalam kertas cadangan tersebut:-
 - a. Profil individu/syarikat.
 - b. Pengalaman dalam industri nanas atau pertanian.
 - c. Cadangan pelan penanaman.
 - d. Cadangan pelan pemasaran.
 - e. Salinan kewangan individu/syarikat.
 - f. Salinan geran lokasi tanah.

3. Cara Memohon:-

- i. Mengisi **BORANG PERMOHONAN PROGRAM PENANAMAN NANAS MD2 (MPIB/MD2/A(1))** dalam 2 salinan.
- ii. 2 salinan Kad Pengenalan Pemohon.
- iii. 2 salinan Geran dan Status Tanah serta Pelan Lokasi Tanah.
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

Ketua Pengarah

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

Wisma Nanas,

No. 5, Jalan Padi Mahsuri,

Bandar Baru UDA,

81200 Johor Bahru.

(U/p: Sekretariat Jawatankuasa Program Penanaman Nanas MD2)

selewat-selewatnya sebelum atau pada **24 Ogos 2012 jam 12.00 tengah hari.**